

**PERJANJIAN
SKIM DERMASISWA PENUH PENGAJIAN TAHUN ASAS
UNIVERSITI SELANGOR
SEMESTER _____ (SESI _____)**

DI ANTARA

(PELAJAR)

DAN

(PENJAMIN 1)

DAN

(PENJAMIN 2)

DENGAN

UNIVERSITI SELANGOR

BERTARIKH PADAHARIBULAN..... 20.....

PERJANJIAN SKIM DERMASISWA PENUH PENGAJIAN TAHUN ASAS UNIVERSITI SELANGOR
SEMESTER _____ (SESI _____)

PERJANJIAN ini dibuat padaharibulan 20.....

DI ANTARA

Nama (Huruf Besar).....
No. Kad Pengenalan
di alamat
.....
.....

(kemudian daripada ini disebut “**PELAJAR**”) sebagai pihak Pertama;

DENGAN

UNIVERSITI SELANGOR, sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan Peraturan-Peraturan Institusi Swasta 1996 dan beralamat di Kampus Bestari Jaya, Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor (selepas ini disebut sebagai “**UNISEL**”) sebagai pihak Kedua;

DAN

Nama (Huruf Besar)
No. Kad Pengenalan.....di alamat.....
.....
.....
.....

DAN

Nama (Huruf Besar)
No. Kad Pengenalan.....di alamat.....
.....

.....
.....
(kemudian daripada ini disebut “**PENJAMIN-PENJAMIN**”) sebagai pihak Ketiga.

BAHAWASANYA PELAJAR telah memohon kepada UNISEL untuk melanjutkan pelajarannya di peringkat Tahun Asas di UNISEL dan UNISEL telah bersetuju menawarkan pengajian tersebut kepada PELAJAR tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung kemudian daripada ini.

DAN PENJAMIN-PENJAMIN telah bersetuju untuk menggerenti pelaksanaan oleh Pelajar terhadap kewajipan dan tanggungan-tanggunggannya di bawah Perjanjian ini dan selanjutnya PELAJAR DAN PENJAMIN-PENJAMIN bersetuju untuk melepaskan tanggungan UNISEL terhadap apa-apa kerugian dan kos, yang mungkin ditanggung oleh UNISEL akibat dari kemungkiran oleh PELAJAR terhadap Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI seperti berikut:-

- 1.0 PELAJAR, dengan kelulusan dan persetujuan PENJAMIN-PENJAMIN dengan ini bersetuju :
 - 1.1 bahawa dia akan memasuki dan dengan sesungguhnya meneruskan kursus pengajian dan memasuki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan dalam kursusnya di peringkat Tahun Asas sebagaimana yang diluluskan oleh UNISEL seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Kemasukan ke UNISEL di bawah Skim Dermasiswa Universiti Selangor (UNISEL) dan bahawa dia akan menyempurnakan kursus pengajian yang tersebut itu dalam masa yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 3 semester atau dalam sesuatu masa yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh UNISEL;
 - 1.2 bahawa dia, semasa dalam tempoh kursus pengajiannya, akan menurut apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di UNISEL dan dia dikehendaki menghadirinya atau di lain-lain tempat di bawah arahan UNISEL di mana kursus pengajian itu atau mana-mana bahagiannya mungkin dijalankan;
 - 1.3 bahawa dia, pada sepanjang kursus pengajian itu tidak akan mengambil bahagian dalam apa-apa jua kegiatan yang pada pendapat UNISEL tidak berfaedah kepada PELAJAR, dan jika demikian dikehendaki, akan berhenti daripada mengambil bahagian selanjutnya dalam kegiatan itu;

- 1.4 bahawa dia, semasa dalam tempoh kursus pengajiannya, hendaklah memberi tumpuan sepenuhnya dan mencapai kelulusan minimum iaitu sekurang-kurangnya CGPA 2.00 dalam pengajiannya;
 - 1.5 bahawa dia, semasa dalam tempoh kursus pengajiannya, hendaklah mengikuti semua aktiviti berkaitan yang dianjurkan oleh UNISEL serta yang diwajibkan oleh fakulti;
 - 1.6 bahawa dia selanjutnya, akan meneruskan pengajiannya ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di UNISEL sebaik tamat dan lulus pengajiannya di peringkat Tahun Asas di atas;
 - 1.7 bahawa dia akan menyempurnakan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UNISEL;
 - 1.8 bahawa dia bertanggungjawab untuk membayar balik keseluruhan jumlah Yuran Pengajian di peringkat Tahun Asas dan kos pengurusan serta apa-apa kos lain yang akan ditentukan oleh UNISEL, sekiranya dia gagal menyempurnakan pengajiannya di peringkat Tahun Asas dan/atau tidak meneruskan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UNISEL dan/atau gagal menyempurnakan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UNISEL.
- 2.0 Sebagai balasan bagi hal tersebut di atas UNISEL dengan ini bersetuju untuk memberi pengecualian Yuran Pengajian, Yuran Pendaftaran dan Yuran Asrama serta PELAJAR akan menerima duit poket bagi setiap semester yang telah ditetapkan kepada PELAJAR iaitu 3 semester sahaja (kemudian daripada ini disebut "**Pengecualian tersebut**"). Pengecualian tersebut adalah tidak terpakai di dalam keadaan di mana PELAJAR perlu mengulang subjek dan/atau gagal mematuhi mana-mana peraturan dan syarat-syarat pengajiannya dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh UNISEL.
- 3.0 Bagi maksud Perjanjian ini, Pengecualian tersebut sebagaimana yang diluluskan kepada PELAJAR oleh UNISEL termasuk pemberian duit poket adalah kemudian daripada ini disebut "**Dermaiswa tersebut**".
- 4.0 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa jika pada bila-bila masa dalam masa berjalan kuatkuasanya Perjanjian ini salah seorang atau kedua-dua PENJAMIN itu mati atau tidak lagi bermastautin dalam Malaysia atau berada di luar Malaysia selama lebih daripada **DUA BELAS (12) BULAN** berturut-turut atau dihukum menjadi seorang bankrap atau memperolehi suatu perintah pentadbiran pemakan gaji, maka dalam tiap-tiap hal yang demikian itu, PELAJAR atau

seseorang daripada PENJAMIN-PENJAMIN yang masih ada, hendaklah mendapatkan seorang atau orang-orang mengikut nama yang berkenaan untuk menggantikan PENJAMIN atau PENJAMIN-PENJAMIN tersebut itu; dan tiada seorang pun boleh menggantikan seseorang daripada PENJAMIN-PENJAMIN itu melainkan dia disetujuterima oleh UNISEL dan dia bersetuju menjadi seorang PENJAMIN mengikut had-had dan syarat-syarat Perjanjian ini

5.0 Adalah dipersetujui dan diakui bahawa PELAJAR dalam masa tempoh kursus pengajiannya:-

5.1 tidak boleh melakukan perbuatan salahlaku dalam apa cara pun yang pada pendapat UNISEL mungkin menjatuhkan nama baiknya;

5.2 tidak boleh meninggalkan kursus pengajiannya sebelum sempurnanya kursus itu atau menukarkan kursus pengajiannya, dalam kedua-dua hal tanpa persetujuan bertulis UNISEL;

5.3 tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau perbuatan yang boleh menjejaskan pengajiannya;

5.4 hendaklah memberi tumpuan sepenuhnya dan mencapai kejayaan yang memuaskan di dalam pengajiannya;

5.5 tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh UNISEL tidak selaras dengan kepentingan PELAJAR atau kepentingan UNISEL, dan apabila Pelajar diberitahu oleh UNISEL bahawa apa-apa kegiatan yang dia mengambil bahagian adalah tidak selaras dengan kepentingannya atau kepentingan UNISEL maka PELAJAR hendaklah berhenti dengan serta merta daripada mengambil bahagian selanjutnya;

6.0 Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa UNISEL boleh menurut budibicara mutlaknyanya, menamatkan Perjanjian ini:-

6.1 dengan melaksanakan haknya berbuat demikian menurut mana-mana Fasal Perjanjian ini;

6.2 atau sekiranya, PELAJAR melanggar mana-mana Fasal dalam Perjanjian ini; atau

6.3 sekiranya, PELAJAR dibuang dari UNISEL oleh pihak berkuasa UNISEL; atau

- 6.4 sekiranya, PELAJAR meninggalkan kursus pengajiannya di peringkat Tahun Asas dan/atau tidak meneruskan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda selepas tamat pengajian di peringkat Tahun Asas atau menukar kursus pengajiannya tanpa kebenaran bertulis UNISEL; atau
- 6.5 sekiranya, PELAJAR meninggalkan kursus pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan/atau tidak menamatkan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau menukar kursus pengajiannya tanpa kebenaran bertulis UNISEL; atau
- 6.6 sekiranya, PELAJAR gagal dalam pengajiannya di peringkat Tahun Asas dan/atau gagal di peringkat Ijazah Sarjana Muda; atau
- 6.7 Jika Perjanjian ini ditamatkan menurut Fasal ini, maka PELAJAR dan PENJAMIN-PENJAMIN, waris-waris, wasi-wasi, penerima-penerima serahhak mereka dan wakil-wakil mereka bertanggungjawab bagi pihak diri mereka untuk membayar balik kepada UNISEL apabila diminta, dalam tempoh **ENAM PULUH (60) HARI**, jumlah gantirugi sebanyak **RM18,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: LAPAN BELAS RIBU RINGGIT SAHAJA)** dan/atau sebarang jumlah terhutang lain yang akan ditentukan (sekiranya ada) oleh UNISEL.
- 7.0 Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan oleh UNISEL menurut Fasal 6, maka UNISEL boleh, mengikut budibicara mutlaknyanya, menyediakan satu Jadual Bayaran Balik bagi PELAJAR dan/atau PENJAMIN-PENJAMIN untuk membayar balik Dermasiswa tersebut.
- 8.0 PELAJAR dan PENJAMIN-PENJAMIN dengan ini bersetuju bahawa Jadual Bayaran Balik yang dinyatakan dalam Fasal 7 mengikat mereka, dan PELAJAR serta PENJAMIN-PENJAMIN adalah dengan ini memberi kebenaran mutlak kepada UNISEL untuk membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan mereka kemudian nanti supaya gaji mereka dipotong sewajarnya bagi melunaskan apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Bayaran Balik tersebut.
- 9.0 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa, UNISEL boleh menurut budi bicara mutlaknyanya, memberi TIGA PULUH (30) HARI notis secara bertulis kepada PELAJAR menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa, tanpa memberi apa-apa sebab dan dengan ini segala faedah bagi PELAJAR di bawah Perjanjian ini adalah terhenti.
- 10.0 Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa walau apapun yang tersebut di atas, UNISEL boleh menurut budi bicara mutlaknyanya, memberi TIGA PULUH (30) HARI notis secara bertulis kepada PELAJAR, menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, jika UNISEL mendapati

PELAJAR memberi maklumat palsu dalam apa-apa borang yang dikemukakan bagi maksud mendapatkan Dermasiswa tersebut dan dengan ini segala faedah PELAJAR di bawah Perjanjian ini adalah terhenti.

- 11.0 Adalah dengan ini diakui dan dipersetujui bahawa Surat Tawaran Skim Dermasiswa Penuh Rujukan No.....bertarikh.....hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
- 12.0 PELAJAR DAN PENJAMIN-PENJAMIN dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada UNISEL apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman dan Kos Mahkamah untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik jumlah gantirugi yang terhutang oleh PELAJAR kepada UNISEL atau untuk menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian ini.
- 13.0 Masa adalah perkara terpenting dalam Perjanjian Pengecualian Yuran Pengajian ini.
- 14.0 Apa-apa lampiran atau jadual yang dilampirkan bersama dengan Perjanjian ini hendaklah dibaca, ditafsirkan dan dikira sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini.
- 15.0 Walau apapun yang tersebut di atas sekiranya apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian ini adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa hal sekalipun di bawah apa jua undang-undang, keesahan di segi undang-undang atau kebolehan untuk dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan yang lain tidak akan dalam apa cara sekalipun dijejaskan atau dilemahkan olehnya.
- 16.0 Sebarang Notis yang hendak diberi kepada UNISEL atau PELAJAR atau PENJAMIN-PENJAMIN hendaklah secara bertulis dan penyampaian Notis tersebut menjadi lengkap jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang tersebut dalam Perjanjian ini dan hanya dianggap lengkap penyampaiannya selepas **TUJUH (7) HARI** dari tarikh ianya diposkan.
- 17.0 Duti Setem yang kena dibayar kepada Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh PELAJAR.

(Bahagian ini sengaja dikosongkan)

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini telah menurunkan di sini tandatangan-tandatangan dan meteri-meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH PELAJAR

Nama :) -----
No. Kad Pengenalan :) Tandatangan Pelajar

DI HADAPAN:

Nama :) -----
No. Kad Pengenalan :) Tandatangan Saksi
Cop Rasmi Jawatan :

DITANDATANGANI OLEH UNIVERSITI SELANGOR

Nama :) -----
No. Kad Pengenalan :) Tandatangan Pegawai Diberikuasa
Cop Rasmi Jawatan :

DI HADAPAN:

Nama :) -----
No. Kad Pengenalan :) Tandatangan Saksi
Cop Rasmi Jawatan :

DITANDATANGANI OLEH PENJAMIN PERTAMA

Nama :) -----
No. Kad Pengenalan :) Tandatangan Penjamin
Cop Rasmi Jawatan :

DI HADAPAN:

Nama :) -----
No. Kad Pengenalan :) Tandatangan Saksi
Cop Rasmi Jawatan :

DITANDATANGANI OLEH **PENJAMIN KEDUA**

Nama :) -----
No. Kad Pengenalan :) Tandatangan Penjamin
Cop Rasmi Jawatan :

DI HADAPAN:

Nama :) -----
No. Kad Pengenalan :) Tandatangan Saksi
Cop Rasmi Jawatan :

(LAMPIRAN 1)

Lampiran ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai suatu bahagian penting dalam Perjanjian ini.

SURAT TAWARAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI SELANGOR

(LAMPIRAN 2)

Lampiran ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai suatu bahagian penting dalam Perjanjian ini.

SURAT TAWARAN SKIM DERMASISWA PENUH UNIVERSITI SELANGOR

BORANG PERAKUAN PENJAMIN PERTAMA

(Untuk Diisi Oleh Penjamin Pertama)

PERJANJIAN SKIM DERMASISWA PENGAJIAN TAHUN ASAS

SEMESTER _____ 20__ (SESI / 02)

Saya: Kad Pengenalan No:

(sila tulis nama **Penjamin** dengan HURUF BESAR)

Dengan ini mengaku bahawa saya, dengan rela hati sendiri menjadi Penjamin Pertama kepada pelajar bernama:

Kad Pengenalan No:

(sila tulis nama **Pelajar** dengan HURUF BESAR)

BUTIR-BUTIR PENJAMIN

Tarikh Lahir : _____

Umur : _____ tahun

Alamat Tetap : _____

No. Telefon : _____ - _____

Jumlah Tanggungan : _____ orang

Pekerjaan : _____

Majikan : _____

Alamat Majikan : _____

No. Telefon : _____ - _____

Hubungan dengan Pelajar : _____

PENYATA KEWANGAN

Pendapatan (Gaji dan sebagainya) : RM _____ sebulan
Lain-lain Pendapatan : RM _____ sebulan
Perbelanjaan / Tanggungan : RM _____ sebulan

Saya mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah betul dan benar

Tandatangan : _____
Tarikh : _____

PENGESAHAN MAJIKAN

Tandatangan Majikan : _____
Nama : _____
Tarikh : _____
Cop Jawatan dan Jabatan :

BORANG PERAKUAN PENJAMIN KEDUA

(Untuk Diisi Oleh Penjamin Kedua)

PERJANJIAN SKIM DERMASISWA PENGAJIAN TAHUN ASAS

SEMESTER _____ 20__ (SESI / 02)

Saya: Kad Pengenalan No:

(sila tulis nama **Penjamin** dengan HURUF BESAR)

Dengan ini mengaku bahawa saya, dengan rela hati sendiri menjadi Penjamin Kedua kepada pelajar bernama:

Kad Pengenalan No:

(sila tulis nama **Pelajar** dengan HURUF BESAR)

BUTIR-BUTIR PENJAMIN

Tarikh Lahir : _____

Umur : _____ tahun

Alamat Tetap : _____

No. Telefon : _____ - _____

Jumlah Tanggungan : _____ orang

Pekerjaan : _____

Majikan : _____

Alamat Majikan : _____

No. Telefon : _____ - _____

Hubungan dengan Pelajar : _____

PENYATA KEWANGAN

Pendapatan (Gaji dan sebagainya) : RM _____ sebulan
Lain-lain Pendapatan : RM _____ sebulan
Perbelanjaan / Tanggungan : RM _____ sebulan

Saya mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah betul dan benar

Tandatangan : _____
Tarikh : _____

PENGESAHAN MAJIKAN

Tandatangan Majikan : _____
Nama : _____
Tarikh : _____
Cop Jawatan dan Jabatan :